



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives

BLOK E4/5, KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

62668 PUTRAJAYA, MALAYSIA

Telefon : +603-88836000

Faks : +603-88893712

Laman Web : <http://www.kuskop.gov.my>

Rujukan Kami : MEDAC. 100-9/1/3 JLD 3

Tarikh : 31 Oktober 2024

PEMAKLUMAN PEMBUKAAN PUSAT MEDIA SEMPENA KARNIVAL HARI PENJAJA DAN PENIAGA KECIL PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2024 (HPPK2024)

Adalah dimaklumkan bahawa Karnival Hari Penjaja dan Peniaga Kecil Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 akan berlangsung bermula 1 hingga 3 November 2024 bertempat di Pusat Konvensyen PICCA, Butterworth Arena, Pulau Pinang. Waktu program adalah seperti berikut:

- 1 November 2024 (Jumaat) : 8.00 pagi hingga 10.00 malam**
- 2 November 2024 (Sabtu) : 8.00 pagi hingga 10.00 malam**
- 3 November 2024 (Ahad) : 8.00 pagi hingga 6.00 petang**

Sehubungan itu, pengamal media adalah dialu-alukan untuk menggunakan kemudahan pusat media yang disediakan bertempat di:

Tempat : Function Room, Aras G, Pusat Kovensyen PICCA, Butterworth Arena, Pulau Pinang

Untuk makluman jua, pendaftaran media sewaktu liputan Majlis Perasmian HPPK 2024 akan turut dibuat di Pusat Media. Sebarang pertanyaan lanjut boleh hubungi **Encik Rozer bin Masudin** di talian **012-242 5481**.

Sekian, terima kasih.

Urus Setia Pusat Media

Karnival Hari Penjaja dan Peniaga Kecil Peringkat Kebangsaan

31 Oktober 2024

PANDUAN BAGI PENGAMAL MEDIA DI PUSAT MEDIA KARNIVAL HARI PENJAJA DAN PENIAGA KECIL

1. Pengamal media perlu membuat pendaftaran di Pusat Media.
2. Pengamal media amat dialu-alukan untuk membuat liputan sepanjang tiga hari program berlangsung di Pusat Kovensyen PICCA, Butterworth Arena, Pulau Pinang.
3. Kad Perakuan Media yang dikeluarkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia adalah terpakai untuk membuat liputan di sekitar kawasan tapak program.
4. Bagi keselesaan pengamal media, pihak urus setia menyediakan ruang kerja yang selesa dengan kemudahan seperti talian Internet dan lain-lain.
5. Pengamal media dimohon untuk sentiasa menjaga kebersihan di Pusat Media.

Oleh itu, semua pengamal media dijemput hadir untuk menggunakan kemudahan yang disediakan di Pusat Media tersebut.

Disediakan oleh:

Urus Setia Pusat Media

Karnival Hari Penjaja dan Peniaga Kecil Peringkat Kebangsaan Tahun 2024